UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia
: +609-6684111 | : www.umt.edu.my | PEJABAT BENDAHARI
: +609-6684217 | : pro@umt.edu.my

Rujukan kami : **UMT/BEND/** 100-418 Jld 2(33)
Tarikh : 22 **Ogos 2021**
Bersamaan : 13 **Muharam1443H**

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Malaysia Terengganu

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

Y.Bhg. Dato' /Prof./Dr./Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 3 TAHUN 2021

INSENTIF PENGURANGAN YURAN PENGAJIAN UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT) KESAN PENULARAN PANDEMIK COVID-19

1. TUJUAN

Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai insentif pengurangan yuran pengajian di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) kesan penularan pandemic COVID-19.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Yuran Kali ke-25 Bil 2 Tahun 2021 pada 15 Julai 2021 telah memperakukan:

a. pengurangan yuran pelajaran bagi pelajar pascasiswazah (mod penyelidikan) sebanyak **30% [RM237,210]** dan pelarasan ini dilaksanakan pada sesi 2021/22-I. Justifikasi pengurangan yuran adalah seperti berikut:

i. aktiviti penyelidikan terencat kerana prasarana penyelidikan tidak dapat diakses (makmal dan kemudahan tidak dapat digunakan);

ii. penyelidikan di luar makmal juga tidak dapat dilaksanakan kerana tertakluk kepada SOP PKP; dan

iii. kesukaran untuk melaksanakan penyeliaan (agak terganggu terutamanya bagi pelajaryang memerlukan bimbingan bersemuka).

b. pengurangan yuran perkhidmatan kepada semua pelajar sebanyak **15% [anggaran – RM267,367.50]** bagi sesi 2021/22-I sekiranya:

i. sesi pengajaran dan pembelajaran masih dijalankan secara atas talian; dan

ii. pelajar tidak dibenarkan berada di kampus

2.2 Sehubungan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) kali ke-53 Bil. 3 Tahun 2021 telah bersetuju meluluskan pengurangan yuran pengajian UMT sebagaimana yang telah diperakukan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Yuran Kali ke-25 Bil 2 Tahun 2021 pada 15 Julai 2021.

3. PENGURANGAN YURAN PENGAJIAN YANG DILULUSKAN

3.2 Pengurangan yuran pengajian Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang diluluskan adalah seperti Jadual 1 berikut:

Bil	Perkara	Peratus	Amaun (RM)
1.	Pengurangan yuran pelajaran program Sarjana dan Doktor Falsafah (Mod penyelidikan) (hanya kepada pelajar berdaftar sesi 2020/21-II) dan pelarasan pada Sesi 2021/2022-I	30%	237,210.00
2.	Pengurangan yuran perkhidmatan kepada semua pelajar Sesi 2021/2022-I sekiranya pembelajaran dan pengajaran dijalankan secara atas talian dan pelajar tidak berada di kampus.	15%	267,367.50
Jumlah			**504,577.50**

Jadual 1: Pengurangan Yuran Pengajian UMT Kesan Penularan Pandemik COVID-19

4. TARIKH KUATKUASA

4.1 Surat Pekeliling Bendahari ini dikuatkuasakan pemakaiannya mulai pada sesi 2021/2022-I.

4.2 Surat pekeliling ini hendaklah dibaca bersekali dengan Peraturan Pembayaran Yuran Pelajar Universiti Malaysia Terengganu (Pekeliling Bendahari Bilangan 02/2007).

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

AZIZAH BINTI HASAN
Bendahari
Universiti Malaysia Terengganu

s.k:
1. Naib Canselor
2. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

4. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan Dan Inovasi)
5. Penolong Pendaftar Fakulti Sains dan Sekitaran Marin
6. Penolong Pendaftar Fakulti Perikanan dan Sains Makanan
7. Penolong Pendaftar Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik
8. Penolong Pendaftar Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial
9. Penolong Pendaftar Fakulti Pengajian Maritim
10. Penolong Pendaftar Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan
11. Fail